

บทความวิชาการ

มัธยมศึกษาในประเทศไทย: พัฒนาการและอนาคต

นุমান หะยีมะแซ*

สุญดี หะยีมะแซ**

บทคัดย่อ

มัธยมศึกษา หรือ โรงเรียนเอกชนสอนศาสนาอิสลามเป็นหนึ่งในสถาบันการศึกษาอิสลามที่มีเป้าหมายเพื่อนำพานักเรียนสู่ความสำเร็จในโลกนี้และโลกหน้า พร้อมกับยกระดับศักยภาพของนักเรียนในการจัดการกับปัญหาพร้อมสมัย มัธยมศึกษาในประเทศไทยได้ผ่านช่วงเวลาของการเปลี่ยนแปลงที่เต็มไปด้วยความท้าทายตั้งแต่ทศวรรษที่ 1930 สำหรับการเปลี่ยนแปลงที่สำคัญของมัธยมศึกษาได้เกิดขึ้นในทศวรรษที่ 1960 ด้วยความร่วมมือระหว่างบรรดาผู้ก่อตั้งมัธยมศึกษาทั้งกับกระทรวงศึกษาธิการ ผลของการทำงานอย่างจริงจังของบรรดาผู้ก่อตั้งมัศึกษานั้น ปัจจุบันจะเห็นได้ว่ามัธยมศึกษาได้บรรลุถึงการพัฒนาระดับหนึ่งที่ดีพอสมควร ไม่ว่าจะเป็นโอกาสทางการศึกษาในระดับสูงในทุกสาขาวิชาทั้งในและต่างประเทศ มัธยมศึกษาจะยังคงก้าวไปข้างหน้าต่อไปพร้อมกับความท้าทายหลัก ๆ อันได้แก่ การพัฒนาคุณภาพการศึกษาที่ครอบคลุมในทุกมิติ และความสามารถของมัธยมศึกษาในการยกระดับคุณภาพการศึกษาสู่ความเป็นนานาชาติ

คำสำคัญ : มัธยมศึกษา, ประเทศไทย, พัฒนาการ, อนาคต

* ดร. (ประวัติศาสตร์), อาจารย์มาเลย์ศึกษา, คณะมนุษยศาสตร์และสังคมศาสตร์, มหาวิทยาลัยสงขลานครินทร์ วิทยาเขตปัตตานี

** นักศึกษาระดับปริญญาเอก, สาขาอิสลามศึกษา, คณะมนุษยศาสตร์, มหาวิทยาลัยวิทยาศาสตร์แห่งมาเลเซีย

ARTICLE

Madrasah di Thailand: Perkembangan dan Masa Depan

Numan Hayimasae *

Suhudee Hayeremasae **

Abstract

Madrasah atau Sekolah Agama Rakyat adalah satu institusi pengajian Islam yang bertujuan membawa pelajar-pelajar ke arah kejayaan dunia dan akhirat serta meningkatkan kebolehan mereka dalam menangani masalah semasa. Di Thailand, madrasah dilalui oleh zaman perubahan yang cukup mencabar semenjak dekad 1930-an. Perubahan besar berlaku pada dekad 1960-an dengan kerjasama pihak pengasas madrasah dan Kementerian Pendidikan. Hasil usaha yang gigih oleh pengasas madrasah, kini madrasah telah sampai satu darjat perkembangan yang lumayan baik dengan peluang untuk mendapat pendidikan tinggi seluruh Thailand dan luar negara dan dalam pelbagai bidang. Madrasah akan terus maju ke depan dengan cabaran utama tentang peningkatan kualiti pendidikan secara syumul dan kebolehan meningkat kualiti madrasah ke arah pengantarabangsaan.

Keyword : Madrasah, Thailand, Perkembangan, Masa Depan.

* Ph.D (History), Malay Studies Lecturer, Faculty of Humanities and Social Sciences, Prince of Songkhla University, Thailand.

** Ph.D. Candidate, Islamic Studies, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia.

Pengenalan

Semenjak penghujung abad ke 1930-an, orang Islam wilayah sempadan Thai-Malaysia-iaitu wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat, telah memperkenalkan satu sistem pengajian terbaru sebagai sumbangan dan penyempurnaan penyampaian pengajian Islam. Sistem tersebut-iaitu madrasah yang berperanan menjadi sebagai penerus gagasan sistem pengajian pondok yang sudah lama bertapak. Dengan banggunya madrasah-madrasah di sekitar Mekah dan Madinah, pelajar berasal dari tiga wilayah pun menyerapi dan mengerti cara pengajian dari madrasah-madrasah itu sendiri. Pengaruh dari situlah menjadi asas pendidikan jenis baru di tiga wilayah tersebut. Sistem madrasah telah menjayakan generasi terkemudian dalam memahami ilmu agama serta akademik dan pelbagai program yang boleh memertabatkan kebolehan mereka dalam menangani masalah semasa serta menyesuaikan diri dengan kemajuan dunia kontemporari.

Madrasah bukan sahaja berkembang di sekitar tiga wilayah selatan di tempat-tempat lain terutama di ibu kota Thailand, Bangkok malah di wilayah-wilayah persekitarannya juga. Di Bangkok, madrasah telah ditubuh agak lewat sedikit berbanding dengan kawasan Selatan Thailand dan mempunyai ciri-ciri madrasah sedikit sebanyak berbeza dengan di Selatan Thailand.

Artikel ini akan membahas tentang perkembangan madrasah di Thailand, generasi awal madrasah, madrasah di Bangkok dan sekitar, madrasah generasi kedua, perubahan kepada Sekolah Agama Rakyat, kejayaan madrasah serta masa depan kedudukan madrasah. Method sejarah digunakan dalam penulisan ini yang berdasarkan kepada data dalam bahasa Melayu, Thai dan Inggeris.

Generasi Awal Madrasah

Di Thailand, penubuhan sistem madrasah tiba agak lambat berbanding dengan di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia. Pada umumnya, madrasah telah ditubuhkan atas pengaruh madrasah di Haramayn. Dalam memberi penjelasan tentang penubuhan madrasah generasi awal akan menggambar secara kasar sejarah perkembangan madrasah di tiga wilayah Thailand, Pattani, Yala dan Narathiwat. Di bahagian lain akan berfokus kepada penubuhan madrasah di Bangkok dan beberapa wilayah lingkungannya. Generasi pertama melibatkan dekad 1930-an-1940-an manakala kedua meliputi tahun-tahun dalam dekad 1950-an-1960-an.

Sekurang-kurangnya ada tiga madrasah yang telah ditubuhkan terawal berasaskan method madrasah dan pengurusan dan bentuk pengajian secara ini. Madrasah al-Ma'arif al-Wataniyyah, Pattani yang ditubuhkan oleh seorang 'ulama pejuang Pattani tersohor Haji Sulong Abdul Kadir. Madrasah ini merupakan yang tertua di Tiga Wilayah ini. Sungguhpun beliau bukan berasal bekas pendidik madrasah namun beliau banyak mempengaruhi cara-cara madrasah semasa berada di Mekah dalam menuntuti ilmu semenjak awal abad ke-20 dan pulang ke tanah air pada tahun 1927. Madrasah al-Ma'arif al-Wataniyyah siap dibangunkan pada tahun 1933 dengan bantuan kewangan dari orang awam lingkungan kampung Anak Ru, tempat berdirinya madrasah, penguasa tempatan dan Perdana Menteri Thai ketika itu, Phraya Pahon Phayuhasena. Madrasah ini hanya bertahan 2 atau 3 tahun sahaja kemudian diistihar "tutup" oleh kerajaan atas alasan mengganggu keamanan dalaman dan ia bercorak gerakan politik. (Numan Hayimasae, 2002: 41-42)

Madrasah ke dua ditubuhkan tidak jauh dari Anak Ru, iaitu di kampung Kerisik, jauh dari tempat dulu 5 kilometer. Madrasah yang ditubuh pada tahun 1945 ini dinamakan Madrasah al-Islah al-Diniyyah atas bimbingan Tuan Guru Haji Abdul Majid Embong, seorang rakan baik Haji Sulong. Kebanyakan pelajar ialah bekas belajar dari Madrasah al-Ma'arif al-Wataniyyah. Madrasah ini berjalan tidak begitu lancar disebabkan terdapat perselisihan dalaman antara Haji Abdul Majid dengan seorang tenaga penting dalam madrasah dalam hal yang tidak berkaitan dengan madrasah. Buat sementara waktu juga madrasah ini bergerak namun dibangunkan semula awal dekad 1950-an dan menerima pelajar perempuan sahaja. Nama pula diubah kepada nama "Ma'had al-Islahiyyah Li al-Banat" bagi penyesuaian dengan bentuknya. (Abdul Latif Hamidong, 1997: 10)

Satu madrasah lagi dibangunkan di wilayah Narathiwat dalam daerah Jabat (dengan nama baru Reso). Ia dinamakan dengan "Madrasah Dar al-Anwar" dan diasaskan oleh Tuan Guru Haji Muhammad Nur bin Haji Hasan pada tahun 1946. Madrasah ini dibantu pengajaran oleh Bapak Syahidan, berasal dari Sumatera, Indonesia. Madrasah ini dapat bertahan selama 10 tahun. Atas taktik kerajaan madrasah ini diubah menjadi sekolah rendah kerajaan (Rong raen Prachabarn) dan sekaligus nama madrasah telah berubah menjadi "Sekolah Rendah Kampung Sawor." Semenjak dari itu dengan automatis, Madrasah Dar al-Anwar telah hilang dari senarai madrasah generasi pertama di tiga wilayah selatan Thailand.

Madrasah di Bangkok dan Sekitar

Madrasah bukan sahaja merebak di bahagian selatan bahkan di bahagian tengah Thailand terutama Bangkok dan kawasan sekitar. Dari segi bentuknya, ia digabungkan antara sistem pondok dengan madrasah. Pada dasarnya pengajian lebih bercorak pondok dan kebanyakan dibangunkan oleh peribadi yang berjiwa tinggi untuk menyampaikan ilmu pengetahuan Islam kepada anak-anak muda sekitar penempatan mereka. Tetapi disebabkan oleh desakan kerajaan terhadap institusi pengajian yang dibangunkan oleh rakyat jelata, mereka diwajibkan untuk berdaftar melalui akta pendidikan swasta pada tahun 1918. Semenjak 1918, mereka langsung berdaftar dengan Kementerian Pendidikan dan bentuk institusinya juga pasti mengikut ciri-ciri yang ditetapkan oleh pihak kerajaan yang bercorak sekolah. Hal ini sekaligus ia berubah kepada sistem yang lebih kepada sistem sekolah yang mirip kepada madrasah. Jadi, dari awal penubuhan tidak diasaskan berdasar orientasi madrasah seumpama yang ditubuhkan di bahagian Selatan Thailand.

Penubuhan madrasah di kawasan Bangkok dan sekitar bukan sekadar mengajar agama, atau agama-akademik, tetapi didapati juga akademik sahaja. Hal ini berteraskan kebolehan tuan pengasasnya. Keadaan ini berbeza dengan ciri madrasah di Selatan yang khusus kepada agama dan sedikit akademik serta di sana dibangunkan atas tujuan memenuhi syarat pihak kerajaan.

Sungguhpun begitu, madrasah yang didirikan atas bentuk madrasah sejak awal perhubungannya pada dekad 1940-an atas inisiatif seorang aktivis Muslim asal Pakistan bernama Ibrahim Quraisyi. Beliau berkerja sama dengan seorang pelarian dari Sumatera, Indonesia atas tindakan keras penjajah Belanda, orang ini bernama Ahmad Wahab. Kejayaan pertama Ahmad Wahab iaitu menubuhkan sebuah organisasi Islam "Ansorrissunnah" dan berdasarkan kepada nama inilah dibangunkan madrasah yang diberi nama Madrasah

Ansorissunnah.(Raymond Scupin, 1980: 12231225) Madrasah ini masih berfungsi hingga sekarang dan dikira salah satu madrasah termasyhor di kawasan Bangkok.

Perantauan kerajaan tentang jumlah madrasah yang diiktiraf kerajaan pada tahun 1962 terdapat sebanyak 56 buah madrasah di ibu kota Bangkok. Madrasah terkecil terdiri dari pelajar seramai hanya 25 orang manakala madrasah terbesar saiznya mencecah jumlah pelajar sampai 756 orang.(National Archives of Thailand, Ministry of Foreign Affairs, 1962:44/68) Jumlah madrasah di bahagian menengah Thailand telah meningkat pada dekad 1960-an dan 1970-an sama juga dengan keadaan di Selatan Thailand. Kebanyakan madrasah mendapat pengiktirafan dari pihak kerajaan dan ramai Muslim dari Bangkok dan wilayah sekitar menuju ke Timur Tengah dan Asia Selatan untuk melanjutkan pengajian mereka.

Generasi Kedua

Madrasah pada generasi kedua terdiri dari madrasah-madrasah yang ditubuhkan dekad ke 1950-an dan 1960-an. Penubuhan madrasah pada zaman ini maju ke depan dan ia mendapat sambutan yang baik berbanding zaman sebelumnya. Antara lain madrasah yang dibangunkan zaman ini termasuk Ma'had al-Bi'thah al-Diniyyah di Wilayah Yala (1951), Mu'assasah al-Thaqafah al-Islamiyyah, Pattani (1961) dan Madrasah Nahdah al-Shuban, Narathiwat (1955). Di Bangkok terdapat madrasah seperti Madrasah Muhammadiyah, Madrasah Thamdi Nurul Islam, Madrasah Islam Muta 'allim dan lain-lain.(Ministry of Foreign Affairs. *op.cit.*)

Madrasah generasi kedua kebanyakan dibangunkan oleh pelajar lulusan daripada Madrasah Dar al-'Ulum dan Madrasah Indonesiyyah, di Mekah. Pengalaman dari madrasah di Mekah menjadi tauladan baik bagi warga Muslim di Thailand untuk mengikutinya. Kurikulum dari dua madrasah tersebut menjadi asas untuk madrasah di Thailand, cuma terdapat beberapa perkara yang diubahsuaikan bagi memenuhi syarat kerajaan serta kemampuan orang tempatan.

Tidak seperti madrasah dari generasi pertama, madrasah generasi ini dapat bertahan hingga sekarang. Semenjak penghujung dekad 1960-an sampai seleruh 1970-an menjadi kemuncak bagi sistem madrasah di Thailand. Ia berkembang pesat di wilayah-wilayah yang majoriti Islam atau di daerah-daerah yang ramai orang Islam dalam wilayah-wilayah utara Selatan Thai seperti Krabi, Phuket, Pangnga, Suratthani, Nakhorn Si Thammarat, Patthalung dan Ranong. Langkah yang dikuatkuasakan oleh kerajaan pada masa yang sama diterima dengan baik oleh pihak pengasas madrasah. Semenjak dari tahun 1960-an madrasah serta pondok diutuskan supaya berdaftar dengan kerajaan dan mereka diberi nama lain – iaitu sekolah agama rakyat.

Perubahan Kepada Sekolah Agama Rakyat

Kerajaan telah beberapa kali cuba untuk membuat perubahan dan memasuki (approach) lingkungan institusi-institusi pengajian Muslim pada peringkat mana pun kerana setiap tingkat mempunyai makna dan matlamat tertentu yang mungkin berlain dengan jalur kerajaan. Bagi kerajaan, sejauh mana mereka tidak

diterapkan cadangan-cadangan kerajaan selama itu kerajaan masih risau terhadap masa depan institusi-institusi pengajian Muslim terutama di Selatan Thailand.

Sesuai dengan dasar kerajaan yang ingin menyatukan bentuk dan isi kandungan serta kurikulum selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan mula menjalankan tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk kawasan-kawasan yang bagi kerajaan perlu dilaksanakan dasar tersebut secepat mungkin. Institusi-institusi Muslim dan Cina menjadi tumpuan penting bagi kerajaan. Kebanyakan sekolah yang dibangunkan orang Cina berada di kawasan perbandaran manakala sekolah-sekolah dan institusi-institusi jenis lain kepunyaan Muslim yang berada di pelbagai tempat namun kebanyakan berada di kawasan luar bandar. Berbanding kedua-dua jenis orang tersebut, tindakan kerajaan diambil terhadap Muslim lebih dari orang Cina disebabkan orang-orang Cina senang disatukan ke dalam budaya Thai dan agama Buddhis. Bagi orang Muslim, orang berbangsa Melayu di kawasan Selatan, mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang berlainan serta di kawasan ini amat sensitif dari segi politik.

Selain kerajaan memperkenalkan institusi pengajian ala kerajaan pada peringkat sekolah rendah (SR) dan sekolah menengah (SM) di beberapa tempat pendalaman seluruh kawasan-kawasan orang Islam, institusi pengajian Muslim pula dimasukkan dengan pelajaran bahasa Thai dan beberapa subjek berkaitan dengan nilai-nilai Thai, sejarah dan budaya Thai. Seluruh dekad 1960-an menjadi tumpuan kerajaan bagi mengemaskan program kerajaan dalam menangani masalah institusi pengajian Muslim terutama sistem pondok dan madrasah. Semenjak dari tahun 1960 dan seterusnya banyak pondok dan madrasah telah berdaftar dengan kerajaan. Dengan berdaftaranya pondok dan madrasah tersebut maka dengan sekaligus mereka disebutkan dengan nama baru –iaitu “Sekolah Rakyat Mengajar Agama Islam”, dengan ringkas Sekolah Agama Rakyat. Ini menjadi langkah terpantas bagi kerajaan dalam menangani masalah pondok dan madrasah. Walau bagaimanapun bagi mereka yang ikut serta dengan langkah kerajaan tersebut pada peringkat awal memikirkan bahawa ini menjadi peluang yang baik untuk menaikkan darjat dan membangunkan masa depan umat Islam di Thailand.

Daripada langkah tersebut lahirlah sejenis institusi pengajian terbaru yang menggabungkan antara sistem pengajian madrasah dan pengajian akademik anjuran pihak kerajaan. Manakala sebahagian yang lain belum sedia untuk menerima perubahan ini, masih kekal kedudukannya sebagai institusi pengajian pondok atau madrasah. Kerajaan pula memang menjalankan tindakan yang berterusan sehingga terdapat beberapa guru dan pengasas yang tidak mengakui rencana kerajaan, melarikan diri ke negara jiran. Mereka yang tidak menerima cadangan kerajaan berpandangan bahawa langkah kerajaan akan mengganggu keaslian pondok dan madrasah serta budaya Melayu dan ciri ke-Islaman akan terjejas pula.

Lama kelamaan, jumlah sekolah rakyat mengajar agama makin meningkat yang memuaskan pihak kerajaan. Kurikulum pula disatupadukan. Pengajian agama diterima secara rasmi oleh pihak Kementerian Pendidikan disamping kurikulum pengajian peringkat menengah diperkenalkan. (Ibrahim Narongraksakhet, 2008: 6) Pelajar yang lulus pada peringkat menengah melalui sekolah agama sejenis ini diterima syahadahnya dan boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi. Dengan itu, ia menjadi peluang yang baik bagi anak-anak Muslim dapat menikmati pendidikan tinggi anjuran kerajaan. Sebelum ini, hanya

pilihan institusi pengajian tinggi luar negara sahaja yang menjadi tumpuan untuk mereka. Sedikit jumlah sahaja yang tamat peringkat sekolah menengah kerajaan dan menyambung pengajian ke darjat lebih tinggi.

Perubahan kepada sekolah agama rakyat memberi kesan baik dan kurang baik. Yang baik kerana mereka yang dikira sebahagian dari warga Thai, dapat peluang yang sama untuk menuntut ilmu di peringkat yang lebih tinggi disamping dapat mengaji ilmu-ilmu agama. (Alexander Horstmann, 2002: 119) Yang kurang baik kerana bebanan yang lebih teruk dari dahulu dalam menuntut ilmu. Mereka harus belajar lebih banyak waktu daripada mengaji hanya 3-4 jam sehari kepada 6-7 jam sehari serta subjek yang tambah. Jadi, penumpuan mereka menjadi serba salah, tidak bagus pengajian agama dan kurang baik pengajian akademik.

Itulah hakikat sebenar sekolah agama rakyat. Pada hari ini sekolah agama ini menerima peruntukan dari kerajaan mengikut jumlah pelajar dan tingkat pengajian mereka. Peruntukan yang boleh digunakan untuk membayar gaji guru, pentadbiran dan pembelajaran utama lain-lain. Masalah yang utama muncul pula di sekolah agama ini adalah berkaitan kualiti pelajar kerana mereka selalu mementingkan kualitatif dari aspek jumlah pelajar. Walau bagaimanapun sebahagian dari sekolah-sekolah yang terletak di kawasan bandaran sedikit maju dan beberapa graduan dari sekolah tersebut berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang kedoktoran, farmasi, kejuruteraan dan lain-lain.

Kejayaan Madrasah

Dari generasi pertama yang berkelulusan madrasah mereka mendapat peluang untuk belajar diperingkat sarjana muda di Timur Tengah, Asia Selatan dan Asia Tenggara. Di Timur Tengah, semenjak tahun 1960 ramai pelajar Muslim dari Thailand yang mendapat biasiswa melalui beberapa organisasi dan yayasan Islam serta dari kerajaan Timur Tengah sendiri. Pada ketika itu, negara Timur Tengah mempunyai dasar yang hampir sama dalam membantu umat Islam seluruh dunia. Pelajar dari Thailand lulusan madrasah mendapat peluang untuk menyambung pengajian di negara timur tengah termasuk Mesir, Saudi Arabia, Sudan, Libya, Tunisia, Algeria, Kuwait, Iraq, Lubnan, Jordan, Syria dan Morocco. (Hasan Madmarn, 2002: 69) Di Asia Selatan termasuk Pakistan dan India. Di Asia Tenggara termasuk Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam.

Dari sekian ramai lulusan di negara-negara tersebut, kebanyakan kembali ke tanah air, untuk meneruskan pentadbiran pondok atau madrasah kepunyaan keluarga sendiri dan baik menjadi tenaga mengajar. Sebahagian yang lain juga membangunkan madrasah dan pondok tersendiri yang selalunya mendapat sambutan baik dari pihak orang awam.

Kejayaan penting madrasah didapati pada dua perkara, 1) penubuhan pengajian tinggi Islam (Kulliyah) dan 2) penubuhan institusi pengajian selain madrasah.

1) penubuhan pengajian tinggi Islam (Kulliyah)

Idea penubuhan institusi pengajian tinggi atau kulliyah muncul semenjak awal dekad 1970-an. Bertolak daripada jumlah pelajar yang lulus madrasah semakin bertambah pada setiap tahun hingga keperluan untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana muda juga bertambah. Lulusan-lulusan Muslim yang sedar terhadap gaya tersebut menyahut keperluan tersebut dengan menyatukan beberapa tenaga pengajar dan

membangunkan sebuah kulliyah dengan nama “Kulliyah Sore.” Nama yang diberi berdasarkan waktu pengajian yang berada pada waktu petang atau sore dalam bahasa Indonesia. Antara pengasas penting terdiri dari lulusan pengajian tinggi dari Indonesia bertempat di Bandung, Semarang, Yogyakarta dan Jakarta. Disamping itu terdapat juga beberapa tuan guru lulusan Timur Tengah. Namun kulliyah ini tidak bertahan lama dan hanya beberapa tahun sahaja dan sempat menghasilkan satu angkatan.

Institusi pengajian tinggi menjadi kenyataan lagi dengan tumbuhnya program pengajian Islam di bawah bendera Prince of Songkhla University, kampus wilayah Pattani. Ia ditubuh di atas kerja sama yang keras dalam kalangan pensyarah Muslim yang bertugas dalam universiti tersebut bersama dengan jaringan ahli politik baik dari orang Islam mahupun bukan. Program ini masih berjalan terus dan berjaya menghasilkan pelajar semenjak awal 1980an.

Pengajian kulliyah mencapai kemuncak apabila sebuah kulliyah terbaru ditubuhkan pula pada tahun 1998, iaitu Kulliyah Islamiyyah Yala berdasarkan pengesahan dari pihak kerajaan. Walaupun ia baru sahaja melalui masa yang singkat namun pada hakikatnya ia telah lama diperkirakan di kalangan ‘alim-‘ulama Patani- iaitu pada paruh akhir dekad ke 1970-an lagi. (Mazlan Mahama, 2007: 17-18) Kini kulliyah sudah diangkatkan tarafnya menjadi universiti dengan nama rasminya “Universiti Islam Yala”, ia bertapak dengan kukuh dan mendapat sokongan yang baik dari warga Muslim seluruh Thailand bahkan warga Muslim dari Cina, Singapura, Malaysia, Kambodia, Sri Lanka dan Indonesia. Ia juga menawarkan bidang pengajian Islam, pendidikan dan sains teknologi.

2) penubuhan institusi pengajian selain madrasah

Melalui inisiatif penubuhan madrasah, lulusan dari madrasah yang kemudian berpengalaman di luar negara telah membawa balik idea dan method baru tentang pendidikan. Salah satu daripadanya iaitu sistem pengajian penghafalan al-Qur ‘an atau Madrasah Tahfiz al-Qur’an. Yang lain lagi termasuk Raudah, atau sekolah kanak-kanak pra-sekolah rendah dan Tadika.

Madrasah Tahfiz al-Qur’an telah mengambil model pengajian dari Pakistan, India dan Bangladesh melalui gerakan Dakwah Tabligh. Madrasah Tahfiz al-Qur’an mula bertapak di Sungai Golok, kawasan sempadan Thailand-Malaysia sebelah Negeri Kelantan, Malaysia dan Wilayah Narathiwat, Thailand lingkungan awal 1980-an. Pengajian penghafalan al-Qur’an berkembang cepat melalui jaringan Dakwah Tabligh dan tempat yang kedua muncul di kawasan pinggir Bandar Yala serta sambutan yang begitu baik. Kini di Thailand terdapat banyak sekali rangkaian madrasah hafal al-Qur’an sehingga setiap lokasi terletaknya markaz dakwah pasti adanya institusi ini.

Kemudian Raudah pula muncul pada tahap yang sama. Idea penting penubuhan Raudah berlaku melalui jalur lulusan dari Indonesia yang cuba memperkembangkan ciri dan cara mengajar kanak-kanak belum sekolah model organisasi Muhammadiyah di Indonesia.

Tadika, atau Taman Didikan Kanak-kanak pula ialah sebuah institusi lagi yang berjaya dibangunkan atas kejayaan bekas belajar madrasah. Bentuk Tadika itu tidak lain sistem pengajian peringkat rendah ala Islam dan budaya Melayu. Sebelum nama Tadika, lebih dikenali dengan nama “Sekolah Melayu.” (Perkasa, 2004: 8)

la mula dibuka sekitar penghujung 1950-an dan nama Tadika baru terkenal setelah dibangunkan lingkungan 10 tahun kemudian. Tadika memainkan peranan penting bagi membantu kedudukan latar belakang pengajian dasar yang bercorak Islam disamping menjaga gaya hidup dan budaya Melayu.

Masa Depan Madrasah

Kini telah menjangkau tahun ke delapan puluh perjalanan madrasah di Thailand. Ia telah mengalami perubahan dari satu tahap kepada satu tahap yang lain melalui beberapa faktor-faktor tertentu, dalaman dan luaran. Pada masa kini untuk membangunkan sebuah madrasah bukan perkara yang susah namun untuk menjaga dan mempertahankan statusnya amat sukar apatah lagi untuk memertabatkannya ke peringkat antarabangsa mengikut definisi “ke-antara-bangsa-kan” (Internationalization of the Institution). Dalam masa yang singkat, ia memerlukan kepada satu perubahan demi perubahan bukan sekaligus perubahan total kerana terdapat banyak hal-hal yang perlu diubah langsung disamping beberapa hal perlu diubahsuaikan.

Madrasah merupakan institusi pengajian di peringkat menengah yang menjadi perantaraan antara pengajian bawah dan pengajian tinggi. Dengan itu, langkah yang perlu dilakukan termasuk peningkatan kebolehan pelajar di peringkat yang lebih rendah untuk menjadi teras kepada pengajian di peringkat menengah melalui madrasah. Ilmu-ilmu yang diajar pasti selaras dengan yang ada di peringkat menengah serta menitik berat juga ilmu-ilmu yang dianjurkan kerajaan di peringkat pengajian tinggi bahkan kemajuan sejagat.

Berhajat kepada perkembangan semasa hingga pertadbiran sekolah agama rakyat dan penggunaan kurikulum pendidikan islam dan kurikulum standard (หลักสูตรแกนกลางการศึกษาขั้นพื้นฐาน ,2551)

Dari sekian banyak pelajaran, ia perlu kepada kombinasi ilmu-ilmu yang berbeza-beza kepada satu ilmu yang lebih berfaedah dan berkesan. Umpamanya pengajian al-Quran, pihak madrasah perlu meletakkan matlamat samada ingin menuju ke arah kebolehan pelajar dalam membaca, mentafsir, menghafal atau lain hal. Jadi, sebolehnya menjuruskan kepada satu aspek sahaja, atau meningkat dari satu kebolehan kepada satu kebolehan lain pula, begitu juga dengan ilmu-ilmu lain. Sebahagain dari ilmu-ilmu agama dan akademik boleh juga digabungkan seperti ilmu sejarah, boleh juga disatukan ke dalam satu sejarah. Seperti sejarah Asia Tenggara, dalam itu boleh juga diselitkan dengan pengembangan Islam dan peranan Islam dalam sejarah Asia Tenggara.

Selain itu, bagi memertabatkan kepada tahap international, jaringan dalaman dan luaran perlu dipentingkan. Pelajar-pelajar yang mempunyai kebolehan perlu mencari institusi yang berpatutan dengan mereka serta perlu memberi nasihat dan jalan keluar yang sesuai. Nasihat dari pihak madrasah sangat penting bagi masa depan pelajar. Pelajar yang berkemampuan bahasa akan disokong kuat untuk menyambung pengajiannya ke luar negara. Madrasah yang mempunyai dana yang kuat, sepatutnya memberi biasiswa kepada pelajar yang berkebolehan tetapi kurang keupayaan kewangan. Dia akan diberi biasiswa berdasarkan syarat-syarat tertentu atau janji akan kembali berkhidmat di madrasah asalnya atau dengan syarat-syarat lain.

Madrasah pada jangka masa depan perlu kepada perubahan yang lengkap baik dari segi kemampuan pengurusan, tenaga guru, kesediaan media massa serta perpustakaan yang lengkap dengan kemudahan internet dan buku-buku multi bahasa, penapisan pelajar yang betul-betul ingin belajar dan secocak dengan kebolehan mereka. Walaupun dari segi praktikal nampak susah namun kemungkinan dalam pencapaiannya boleh menjadi kenyataan. Nilai dan semangat persaudaraan dalam Islam perlu diserapkan supaya semua warga madrasah menuju ke arah yang satu-iaitu kemajuan umat sesuai dengan landasan Islam.

Kesimpulan

Dari kenyataan dan perbincangan di atas dapat disimpulkan kepada beberapa isu penting. Madrasah merupakan satu institusi pengajian yang berorientasikan Islam disamping penerimaan aliran ilmu akademik yang bertujuan membangkitkan kebolehan remaja dalam menangani masalah semasa dan membawa diri ke arah kedudukan zaman yang serba mencabar. Di Thailand, madrasah dilalui oleh zaman perubahan yang cukup mencabarkan semenjak dekad 1930an. Perubahan besar berlaku pada dekad 1960an dengan kerjasama pihak pengasas madrasah dan Kementerian Pendidikan dan telah berubah menjadi sekolah agama rakyat. Hasil usaha yang gigih oleh pengasas madrasah, kini madrasah telah sampai satu darjat yang sederhana baik dengan peluang yang luas untuk mendapat pendidikan tinggi seluruh Thailand dan luar negara dan dalam pelbagai bidang. Madrasah akan terus maju ke depan dengan cabaran utama-iaitu peningkatan secara syumul kebolehan meningkat kualiti madrasah ke arah keantarabangsaan. Namun untuk mendapat darjat itu perlu diambil kira dari segi pentadbiran, kebolehan guru dan pelajar, jaringan yang luas serta method yang sesuai bagi tempatan masing-masing.

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang yang menyumbangkan USM fellowship kepada pengkaji. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang memberi kerjasama dalam proses menjayakan penyelidikan ini.

Bahan Rujukan

- Abdul Latif Hamidong. 1997. **“Institusi Pondok dalam Tradisi Budaya Ilmu”**, Paper Presented at International Seminar on Civilization of the Malay World, Arranged by Ministry of Culture, Youth and Sport, 11-13 Nov, Kuala Lumpur.
- Alexander Horstmann. 2002. **“Nostalgia, Resistance, and Beyond : Contested Uses of Jawi Islamic Literature and the Political Identity of the Patani Malays”** *The Journal of Sophia Asian Studies* No.20., hlm.111-122.
- Hasan Madmarn. 2002. **Pondok and Madrasah in Patani**. Bangi : Penerbit UKM.
- Ibrahem Narongraksakhet. 2008. **“Educational Changes during the Year of 2004-2008 and Their Impacts upon Educational Provision in the Far Southern Thailand”** Paper presented at International Conference on Educational System in Majority and Minority Muslim Society : Strategies and Perspectives, 23-25 August, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Thailand.
- Mazlan Mahama. 2007. **“Sebelum Tiba Hari Ini”** Majalah Universiti Islam Yala, hlm.17-34. (Bahasa Thai).
- National Archives of Thailand, Ministry of Foreign Affairs, 44/68. **“Prathet Saudi Arabia Kho Sarb Chamnuan Rongraen Islam Nai Prathet Thai Por Sor 2505 (Saudi Arabia Asking for Number of Islamic School in Thailand, Year 1962).”** (Bahasa Thai)
- Numan Hayimasae. 2002. **“Haji Sulong Abdul Kadir (1985-1954) : Perjuangan dan Sumbangan Beliau kepada Masyarakat Melayu Patani”** Tesis M.A., Universiti Sains Malaysia.
- Perkasa. 2004. **“Perkasa Jenjang Membina Kanak-kanak”** Majalah Pelita, No.1, hlm.8-9.
- Raymond Scupin. 1980. **“The Politics of Islamic Reformism in Thailand.”** *Asian Survey*. Vol XX, No. 12, December, pp.1223-1235.